





IQRA'

Bil. 7/2024
JULAI



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar bin Abd Aziz

- Shah Alam : Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
- Melaka : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis : Khairil Izwan Hasan
- Sabah : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor : Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

LAWATAN AUDIT PENGURUSAN REKOD DI FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI, UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN

JULAI 4, 2024



Lawatan Audit Pengurusan Rekod ini adalah bertujuan bagi memastikan pengurusan rekod universiti diuruskan dengan teratur dan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan dari segi kawalan dan keselamatan rekod.

Selain itu, Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka juga melaksanakan kempen perolehan rekod-rekod penting universiti yang bernilai selaras dengan Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam Arkib Negara Malaysia.



BENGGEL LITERASI MAKLUMAT INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA KAMPUS PEREMPUAN MELAYU JULAI 12, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Melaka telah mengadakan Bengkel Literasi Maklumat yang telah dihadiri oleh 141 orang peserta dari Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Perempuan Melayu, bermula jam 8.30 pagi – 12.30 tengah hari.

Objektif Bengkel Literasi Maklumat ini adalah :

1. Memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai maklumat dan literasi maklumat
2. Mendedahkan pelajar kepada kaedah pencarian maklumat yang tepat dan berkesan
3. Mempelbagaikan kemahiran pelajar dalam penilaian dan menguruskan maklumat
4. Mendedahkan pelajar kepada etika penggunaan maklumat
5. Perpustakaan sebagai penggerak literasi maklumat untuk melestari dan merealisasikan generasi yang celik maklumat



KOLEKSI KHAS JAWI@UITM RAIH MINAT PELAJAR UNIVERSITI AL-AZHAR

JULAI 9, 2024



Tarikh: 9 Julai 2024 / 3 Muharram 1446 (Selasa)

Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, PTAR UiTM Shah Alam

Masa: 4:00 petang

Nama Pelajar: Muhammad Nur Aiman bin Mohd Zuki, Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Falsafah)

Ringkasan:

Pembangunan Koleksi Khas Jawi@UiTM oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah meraih minat saudara Muhammad Nur Aiman sehingga mendorong beliau melawat dan berkongsi pengetahuan mengenai naskah yang dipamerkan. Ketua Pustakawan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan telah melapangkan masa menyantuni pelajar tersebut. Hadir sama Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Puan Nurul Aida Noor Azizi dan Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir. Saudara Muhammad Nur Aiman sedang menjalani Latihan Sangkut di Jabatan Arkib Universiti dari 10-15 Julai (5 hari) bagi mendalami proses penjilidan.



PROGRAM “JOM SIHAT? SENAMROBIK & GOTONG ROYONG KENDIRI EKSA”

JULAI 12, 2024



Tempat: Dataran Menara SAAS, UiTM Shah Alam

Masa: 9:00-10:00 pagi

Anjuran: Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) & Jawatankuasa Induk Sukan & Rekreasi

Staf Terlibat: 156 orang staf PTAR, UiTM Shah Alam

Ringkasan:

Aktiviti senamrobik dan gotong royong dianjurkan bagi menggalakkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan gaya hidup sihat.



PROFESSIONAL COMMUNICATION EXERCISE: INDUSTRY ON CAMPUS SYMPOSIUM (PICASO) 4.0

JULAI 16, 2024



Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Melaka bersama rakan strategik Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menganjurkan Program Professional Communication Exercise: Industry On Campus Symposium (PiCaSo) 4.0 2024. Program ini merupakan pembentangan hasil pelajar secara fizikal bagi projek pelajar Semester 5, Program Diploma in English for Professional Communication (LG120) di bawah subjek Professional Communication Exercise (ELS304). Program telah dijalankan di Ruang Library Community Engagement (LCE), PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, bermula 8.30 pagi hingga 5.00 petang.



KELAS DIGITAL LITERASI : AI UNTUK RAKYAT

JULAI 10, 2024



Pada 10 Julai 2024, telah berlangsung Kelas Digital Literasi: AI untuk Rakyat yang dilaksanakan di Pusat IT, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Program ini adalah inisiatif PTAR bersama rakan strategik Digital Penang bagi memenuhi arahan surat edaran "Pelaksanaan program 'AI Untuk Rakyat' Dalam Kalangan Penjawat Awam".

Program AI untuk Rakyat ini bertujuan untuk memastikan peningkatan kesedaran awam terhadap penggunaan teknologi termaju Kecerdasan Buatan atau AI. Ianya merupakan program pembelajaran secara dalam talian yang mana peserta perlu melengkapkan program pembelajaran bagi memperoleh lencana 'AI Aware' dan 'AI Appreciate'.

Seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada staf UiTM Cawangan Pulau Pinang dan komuniti sekitar kampus telah mengikuti program ini yang boleh dicapai melalui portal www.ai.gov.my.



SESI LIBAT URUS PERPUSTAKAAN BERSAMA KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPIM), UITMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU

JULAI 17, 2024

25 TAHUN 1999-2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SESI LIBAT URUS PERPUSTAKAAN *Bersama* KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPIM)

17 JULAI 2024 (RABU)
2.30 PETANG - 4.30 PETANG
**BILIK MESYUARAT AL-GHAZALI,
UITMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU**

ANJURAN:
Perpustakaan
Cendekiawan
Cawangan Terengganu
Kampus Kuala Terengganu

DENGAN KERJASAMA:
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik (KPPIM)
Cawangan Terengganu
Kampus Kuala Terengganu

Pembudayaan Ilmu
Membentuk Aidiwangsa
اوسها تقوى. موليا
puitm.kualaterengganu

17 Julai 2024 (Rabu), Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Sesi Libat Urus Perpustakaan bersama Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM). Sesi ini diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Ghazali, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu yang dihadiri oleh 23 pensyarah. Sesi libat urus ini diketuai oleh En Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan bersama 4 orang staf Perpustakaan Cendekiawan Cawangan Terengganu.

17 Julai 2024 (Rabu), Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Sesi Libat Urus Perpustakaan bersama Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM). Sesi ini diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Ghazali, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu yang dihadiri oleh 23 pensyarah. Sesi libat urus ini diketuai oleh En Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan bersama 4 orang staf Perpustakaan Cendekiawan Cawangan Terengganu.



MOBILE LIBRARY PKEJ@PUSAT KEBUDAYAAN UiTM

JULAI 10 , 2024



The poster features the 25th anniversary logo of Universiti Teknologi MARA (UiTM) at the top. The main title 'Mobile PKEJ Library' is prominently displayed in white and yellow, with the Arabic translation 'مكتبة متنقلة' below it. The event details are listed with icons: a calendar for the date '10 Julai 2024 (Rabu)', an alarm clock for the time '10.00 pagi - 12.00 tengah hari', and a location pin for 'Pusat Kebudayaan Kompleks Budiswa, UiTM Shah Alam'. A list of services is provided under the heading 'PERKHIDMATAN KAMI:', including book delivery, borrowing and return, digital library services, library information updates, and external membership registration. The bottom of the poster includes the 'UiTM di hatiku' slogan, the motto 'اوسها. تقوى. موليا', and social media icons for Facebook, X, YouTube, and Instagram, along with the text 'PTAR Kejuruteraan'.

Rabu, 4 Muharam 1445H, 10 Julai 2024: Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah mengadakan Program Pembudayaan Ilmu: Mobile Library yang bertempat di Pusat Kebudayaan, Kompleks Budiswa, UiTM Shah Alam. Program ini telah berlangsung dari jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan telah disambut baik oleh kakitangan daripada Pusat Kebudayaan.

Tujuan utama program ini adalah untuk menggalakkan staf di Pusat Kebudayaan Kompleks Budiswa, UiTM Shah Alam untuk aktif meminjam buku-buku dari perpustakaan. Program ini turut menyumbang kepada peningkatan budaya membaca di kalangan kakitangan universiti serta menambahkan kesedaran akan kepelbagaian koleksi dan kemudahan yang ada di perpustakaan. Antara program yang telah dipromosikan adalah:

1. Perkhidmatan Book Delivery Service
2. Perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan
3. Keahlian luar
4. Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang tersedia di PKEJ

LAWATAN TANDA ARAS UNISZA

JULAI 17, 2024



Tarikh: 17 Julai 2024 / 11 Muharram 1446 (Rabu)
Tempat: PTAR Undang-Undang UiTM Shah Alam
Masa: 10:00 pagi
Pelawat:

Rosnorzaini Rusli – Timbalan Ketua Pustakawan
Sofiah Khalid – Pustakawan Kanan
Fatin Amirah Ramlan – Pustakawan
Sofiah Khalid – Pustakawan
Idris Jamaluddin – Penolong Ketua Pustakawan
Ahmad Luqman Hakim Mohammad Jaafar – Pembantu Pustakawan
Staf terlibat:

Ahmad Amiri Mohamad – Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan
Hanani Rojikin – Ketua PTAR Undang-Undang
Herman Tanbeh – Pembantu Pustakawan Kanan
Juliana Hamdan – Pembantu Pustakawan Kanan
Ringkasan:

Lawatan tanda aras Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, Universiti Sultan Zazinal ABidin (UnisZA) terhadap struktur, operasi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR Undang-Undang. Kumpulan pelawat turut meluangkan masa melawat PTAR bagi melihat kemudahan terkini seperti Koleksi Khas Jawi@UiTM, Kiosk Statsdigital dan Galeri PTAR.

KOLEKSI PERIBADI AIMAN AKAN DIPAMER DI KOLEKSI KHAS JAWI@UITM

JULAI 23, 2024



Tempat: Ruang Rehat, Aras 2 PTAR UiTM Shah Alam

Masa: 1:00 petang

Penyumbang:

Muhammad Nur Aiman Mohd Zuki
Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Falsafah)
Universiti al-Azhar, Mesir.

Ringkasan:

Koleksi peribadi Aiman antaranya terdiri daripada salinan Al-Quran berusia 180 tahun dan skrol Ijazah Toriqoh al-Bayumiyyah yang mempunyai ribuan pengikut di Mesir akan dipamer di Koleksi Khas Jawi@UiTM. Saudara Muhammad Nur Aiman telah menyerahkan sejumlah 56 naskah kitab bertulisan Jawi kepada Ketua Pustakawan UiTM Ts Haji Azizi bin Haji Jantan.

HE & SHE TUNJUK MINAT KERJASAMA DENGAN PTAR

JULAI 24, 2024



Tarikh: 24 Julai 2024 / 19 Muharram 1446 (Rabu)

Tempat: Bilik Mesyuarat Utama PTAR UiTM Shah Alam

Masa: 3:00 petang

Ringkasan:

Kunjungan oleh Encik Taqiyuddin dan Puan Arisha (Admin Executive) petang tadi adalah untuk pengesahan ruang bagi membangunkan sebuah "Life Style Coffee Outlet" di PTAR.



RAKAMAN BUAL@IMPAK: DATO' DR. HJ. MOHD MANSOR BIN HJ. SALLEH

JULAI 24, 2024



Tarikh: 24 Julai 2024/ 18 Muharram 1446 (Rabu)

Masa: 2:30 petang

Tempat: Galeri Tun Abdul Razak (GTAR)

Ringkasan:

Rakaman program Bual@IMPAK Siri Khas Adiwangsa: Mantan Naib Canselor UiTM bahagian pertama telah berjaya dilaksanakan di ruang GTAR.

Selama satu jam, Dato' Dr. Hj. Mohd Mansor bin Hj. Salleh, bekas Pengarah ITM ke-5 yang diundang sebagai panel program telah berkongsi pengalaman dan pandangan beliau yang amat tinggi nilainya terhadap perkembangan UiTM.

Hadir bersama YBrs. Encik Mustaffa Kamil Ayub (Ahli Lembaga Pengarah Universiti), Ketua Pustakawan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan, YBrs. Prof. Dr. Amer Shakir Zainol (Penolong Naib Canselor Pemerkasaan Adiwangsa) manakala YBhg. Prof. Datuk Dr. Mizan Hitam (Penolong Naib Canselor Institut Latihan dan Kepimpinan UiTM telah diundang sebagai hos program pada petang ini.

Program ini anjuran Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama PTAR.

LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KE RUANG 3R DAN KOLEKSI KHAS JAWI@UITM

JULAI 24, 2024



Tarikh: 24 Julai 2024 / 18 Muharram 1446 (Rabu)

Tempat: Koleksi Khas Jawi@UiTM, Ruang 3R (Royal, Race, Religion), PTAR UiTM Shah Alam

Masa: 4:30 petang

Ringkasan:

YBrs. Encik Mustaffa Kamil Ayub (Ahli Lembaga Pengarah Universiti) telah meluangkan masa melawat Koleksi Khas Jawi@UiTM dan Ruang 3R di aras 4, PTAR. Mengiringi lawatan ini adalah Ketua Pustakawan UiTM Ts Haji Azizi bin Haji Jantan.



PEMBENTANGAN PERANCANGAN STRATEGIK Q2/2024 DAN HALA TUJU PERPUSTAKAAN UITM 2030

JULAI 24, 2024



Tarikh: 24 Julai 2024 / 18 Muharram 1446 (Rabu)

Tempat: Bilik Seminar PTAR UiTM Shah Alam

Masa: 9:00 pagi

Ringkasan:

Pembentangan Perancangan Strategik Q2/2024 dan Hala Tuju Perpustakaan UiTM 2030 telah dihadiri seramai 51 orang ahli terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Perpustakaan cawangan UiTM, Ketua Bahagian dan Ketua Unit. Objektif ialah pembentangan pencapaian suku kedua Perpustakaan UiTM tahun 2024 dan halatuju Perpustakaan UiTM dalam tempoh 5 tahun akan datang. Ketua Jabatan Perpustakaan Digital Encik Arshad Bujang buat pertama kalinya berkongsi tentang teknologi yang akan diguna pakai dalam merekod kehadiran pengunjung ke perpustakaan.



SELAMAT HARI ULANG TAHUN KELAHIRAN KETUA PUSTAKAWAN UiTM

JULAI 24, 2024



Seluruh warga Perpustakaan UiTM mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran buat Ketua Pustakawan UiTM Ts Haji Azizi bin Haji Jantan tanggal 24 Julai 2024.

Kami mendoakan semoga tuan diberkati usia dan dirahmati Allah SWT.



BENGGEL BIBLIOMETRIC: UNLOCKING THE POWER OF BIBLIOMETRICS

JULAI 25-26, 2024



Tarikh: 25-26 Julai 2024/ 19-20 Muharram 1446 (Khamis-Jumaat)

Masa: 8:30 pagi-5:00 petang

Peserta: 36 orang peserta PTAR

Penceramah:

Profesor Madya Dr. Aidi Ahmi
Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy
College of Business
Universiti Utara Malaysia

Ringkasan:

Bengkel yang diadakan selama dua hari bertujuan membimbing para pustakawan tentang asas dan fungsi bibliometrik, teknik memasukkan data penerbitan menggunakan biblioMagika dan teknik penganalisan prestasi jurnal dan penulis secara kuantitatif bagi menghasilkan laporan yang tepat dan menyokong kepada aktiviti penulisan universiti.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my